

Pembangking dijangka taja calon bebas

UM - 15/1/2007

RAUB 14 Jan. - Walaupun Pas dan Parti Keadilan Rakyat dikatakan akan memulau pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam pada 28 Januari ini, kemungkinan besar mereka akan menaja dan menyokong calon bebas bagi DUN berkenaan tidak boleh ditolak.

Ketua UMNO Bahagian Raub, Datuk Shahiruddin Moin berkata, pembangking tidak akan memberikan kemenangan percuma kepada Barisan Nasional (BN) malah akan menaja seorang calon atas tiket bebas sebagai proksi pada hari penamaan calon 16 Januari ini.

"BN tidak gentar hadapi sesiapa juga calon kerana kita sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya walaupun Pas dan Keadilan siang-siang mengumumkan memulau pilihan raya itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Sebaliknya, kata Shahiruddin, BN akan meneruskan peranannya dan tetap akan bertanding dan ribuan penyokong BN akan mengiringi calonnya ke pusat penamaan calon Selasa ini.

Utusan Malaysia difahamkan sekurang-kurangnya lima borang pencalonan sudah dibeli oleh beberapa individu daripada Pejabat Daerah Raub sehingga Sabtu lalu.